

# Kesungguhan usaha Malaysia pikat Poland

84-8/3/2007

Oleh Norliza Abdullah

**M**UNGKIN ada rakyat Malaysia tidak menyedari ada warga Eropah yang melawat negara ini adalah masyarakat Poland iaitu dari negara bekas komunis di Eropah Tengah.

Walaupun tidak mempunyai kemudahan penerbangan terus Poland - Kuala Lumpur, kesungguhan rakyat Poland menyaksikan keindahan flora dan fauna serta kehidupan marin di perairan sekitar Malaysia menguatkan semangat mereka ke sini.

Perangkaan 2005 menunjukkan 10,000 pelancong Poland ke negara ini, manakala pelancong Malaysia ke Poland pada tempoh sama pula dianggarkan 3,000 orang.

Duta Besar Poland ke Malaysia, Eugeniusz Sawicki, yakin jumlah itu pasti bertambah sepanjang tahun lalu dan sempena program Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dilancarkan sempena sambutan 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, sekali gus akan menarik lebih ramai pelancong Poland ke negara ini.

Beliau berkata, kebanyakan pelancong berkumpul akan singgah di beberapa lokasi utama Eropah sama ada Amsterdam atau London sebelum meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur.

"Jarak yang lebih jauh dengan tempoh perjalanan lebih lama tidak mematahkan semangat mereka untuk berkunjung ke Malaysia. Rata-rata rakyat Poland mengenali Malaysia sejak ia dikenali sebagai Tanah Melayu iaitu ketika zaman penjajahan Inggeris lagi," katanya.

Sawicki berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan memorandum persefahaman (MoU) antara Kolej Universiti Pengurusan Malaysia (KUTPM) dengan Medical University of Warsaw (MUW) di Hotel Pan Pacific Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said; Presiden KUTPM, Prof Datuk

Mohd Shukri Ab Yajid dan Dekan Fakulti MUW, Prof Karolczak.

Selain sektor pelancongan, beliau berkata, program penyelidikan dan pembangunan (R&D), pertukaran tenaga akademik dan pelajar antara aktiviti utama yang mengukuhkan lagi hubungan antara Poland dengan Malaysia.

Kerjasama erat dalam bidang pendidikan katanya, dilihat sebagai landasan terbaik bagi kedua-dua pihak mengukuhkan sistem pendidikan sedia ada.

"Poland yang memulakan institusi pendidikan tinggi ratusan tahun dulu, mempunyai kelebihan dalam pelbagai bidang, terutama perubatan, kejuruteraan, sains dan teknologi. Keistimewaan Poland memberi alternatif kepada Malaysia mengadakan kerjasama pintar.

"Kursus perubatan dan sains perubatan ditawarkan di beberapa universiti di Poland mempunyai kualiti setanding dengan negara maju di Eropah," katanya.

Apa yang lebih menarik, Sawicki ber-

kata, yuran pengajian, tuisyen serta kos hidup yang jauh lebih rendah berbanding negara Eropah lain terutama United Kingdom.

Secara perangkaannya, beliau berkata, kos itu hampir mencapai separuh lebih rendah daripada perbelanjaan keseluruhan bagi menampung kos untuk pengajian perubatan sepanjang enam tahun pengajian.

Sejak kebelakangan ini, katanya, kerajaan mahupun pelajar persendirian Malaysia memilih Poland sebagai lokasi kompetitif bagi mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan sains perubatan.

Selepas Poland menyertai Kesatuan Eropah (EU) tiga tahun lalu, tempias negara kaya di Eropah turut dirasai Poland. Malah, menerusi penyertaan itu, Poland menerima pengiktirafan EU sebagai negara penyedia program perubatan dan sains perubatan terbaik di Eropah Tengah, malah kualitinya setanding dengan beberapa

negara lain antaranya, Perancis dan Jerman.

Hubungan Poland-Malaysia menerusi sektor pendidikan dilihat mempunyai potensi besar untuk diperluaskan bukan hanya bidang perubatan, malah ia perlu merangkumi bidang sains, kejuruteraan dan bioteknologi.

Sehubungan itu, usaha kedua-dua pihak menghantar pakar masing-masing dan meninjau peluang yang ada untuk dimajukan bersama begitu dihargai.

"Kesungguhan ini memberi peluang Poland menjadikan Malaysia sebagai rakan kongsi mengukuhkan bidang pendidikan untuk kebaikan sejagat. Ramai pelajar Poland menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan melanjutkan pelajaran terutama dalam bidang teknologi maklumat dan pengurusan perniagaan.


"Faktor geografi bukanlah tembok pemisah kedua-dua negara untuk terus menjalin hubungan erat bagi meningkatkan lagi ekonomi dan pembangunan kedua-dua pihak.

"Pemindahan pengetahuan sains dan teknologi secara langsung dari Poland yang terletak antara Austria, Russia dan Jerman dengan jumlah penduduk seramai 38 juta terus mengukuhkan lagi hubungan," katanya.

Sepanjang tempoh tiga tahun di Malaysia, Sawicki berkata, pelbagai kemajuan dicapai, bermula dengan kerjasama pendidikan menerusi program R&D, pertukaran tenaga akademik pelbagai bidang hingga membawa kepada pertukaran budaya serta kesenian.

Malah, katanya, apa lebih membanggakan Poland ialah hubungan erat itu terus terjalin menerusi kerjasama ketenteraan.

"Jalinan ini mencerminkan kepercayaan Malaysia kepada Poland begitu tinggi atas dasar saling memahami antara kedua-dua pihak. Tidak semua negara mempunyai keyakinan sedemikian seperti ditunjukkan Malaysia terhadap Poland." katanya.



**“Jalinan ini mencerminkan kepercayaan Malaysia kepada Poland begitu tinggi atas dasar saling memahami antara kedua-dua pihak. Tidak semua negara mempunyai keyakinan sedemikian seperti ditunjukkan Malaysia terhadap Poland”**

**Eugeniusz Sawicki**  
Duta Besar Poland ke Malaysia